

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 09.05.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 MEI 2025 (KHAMIS)
10.00 PAGI**

**BERTAM RESORT PULAU PINANG
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024**.
2. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya rakamkan kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus-lumus menjayakan penganjuran majlis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para hadirin yang sudi meluangkan masa, hadir pada pagi ini. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyemarakkan lagi suasana majlis dan menyerlahkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga MBSP. Majlis ini menjadi satu simbol kepada semangat kerjasama dan kesepakatan kita dalam terus memajukan MBSP ini ke arah yang lebih gemilang.
3. Hari ini, kita berkumpul untuk meraikan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MBSP sepanjang tahun 2024. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah simbol penghargaan kita terhadap komitmen, usaha dan dedikasi yang telah diberikan oleh

para penerima anugerah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah dan profesional. Ia adalah tanda pengiktirafan terhadap mereka yang telah memberi sumbangan luar biasa dalam pelbagai aspek tugas mereka dan yang telah menunjukkan semangat kerja yang tidak mengenal lelah.

4. Untuk tahun 2024, seramai 315 orang kakitangan daripada 3,949 kakitangan MBSP telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Kumpulan penerima anugerah ini terdiri daripada:
 - a) Tujuh (7) orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
 - b) 101 orang daripada Kumpulan Pelaksana 1; dan
 - c) 207 orang daripada Kumpulan Pelaksana 2.
5. Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini bukan sahaja merupakan pengiktirafan terhadap prestasi yang telah dicapai, tetapi juga sebagai pendorong kepada semua warga MBSP untuk terus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat. Kejayaan ini seharusnya menjadi inspirasi untuk terus berusaha lebih keras dan memberikan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan. Saya percaya bahawa setiap penerima anugerah pada hari ini telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam menjayakan visi dan misi MBSP.

6. Selain itu, saya ingin menyeru kepada semua warga MBSP agar terus mengamalkan budaya kerja yang berorientasikan kecemerlangan, inovasi dan integriti. Sejajar dengan penganugerahan dan sembilan (9) pensijilan yang kita terima, MBSP perlu terus menjadi contoh kepada tadbir urus yang baik, telus dan cekap dalam mengharungi pelbagai cabaran semasa dan ekspektasi penduduk Seberang Perai.
7. Dengan itu, saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024. Semoga kejayaan ini menjadi sumber inspirasi kepada semua warga kerja MBSP untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dan memartabatkan lagi nama MBSP di mata masyarakat.
8. Saya mengakhiri ucapan saya dengan doa semoga segala usaha kita diberkati dan diredhai oleh Allah SWT. Semoga MBSP terus maju jaya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Seberang Perai dan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***